

02/10/2000

Dr M tonton filem Lt Adnan

KUALA LUMPUR, Ahad - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali malam ini menonton tayangan khas filem Lt Adnan di pawagam Tanjung Golden Village (TGV), Kuala Lumpur City Center (KLCC) di sini.

Turut hadir, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohd Shafie Apdal dan panglima-panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Panglima Tentera Darat Jen Datuk Seri Md Hashim Hussein dalam ucapannya berkata filem Lt Adnan bertujuan menerapkan nilai-nilai ketenteraan seperti keberanian, tata setia dan semangat juang di kalangan anggota tentera yang sedang berkhidmat.

Filem sejarah mengisahkan perjuangan seorang wira negara, Lt Adnan yang terkorban dalam mempertahankan negara, adalah terbitan dan arahan Aziz M Osman dan mula ditayangkan kepada orang ramai sejak bulan lalu.

Allahyarham Lt Adnan pernah berjuang menentang tentera Jepun di Tanah Melayu pada 1941-1942 dan terbunuh ketika mempertahankan tanah air di Bukit Candu, Singapura.

Filem yang mula ditayangkan sejak 31 Ogos secara serentak di seluruh negara dan Brunei itu, mendapat sambutan menggalakkan daripada kalangan anggota tentera dan orang ramai.

Bagaimanapun, kata Md Hashim, sambutan di kalangan generasi muda kurang memberangsangkan.

Sehubungan itu, beliau berkata, Tentera Darat sedang berusaha mewujudkan satu tayangan khas yang akan bergerak ke kem tentera dan sekolah di seluruh negara khususnya di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan panggung wayang.

Ini secara langsung akan memberi peluang kepada anggota tentera, pelajar dan pendidik yang tinggal di kawasan pedalaman menghayati mesej yang ingin disampaikan oleh filem Lt Adnan, katanya.

Selain itu, katanya, filem berkenaan turut terpilih mewakili Malaysia ke Festival Filem Asia yang akan datang.

Pada majlis itu, Puncak Niaga Sdn Bhd menyampaikan sumbangan cek bernilai RM10,000 kepada Dr Mahathir untuk diserahkan kepada Angkatan Tentera Darat bagi mengisi Tabung Alaf Baru Tentera Darat.

(END)